

Ruj.Kami : ANM.PK.G.600-1/1/2 JLD.5 (17)
Tarikh : 19 APRIL 2023

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/ Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

MAKLUMAN PERUBAHAN TARIKH PEMBAYARAN GAJI BAGI TAHUN 2023

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2023, Tarikh dan Peraturan Pembayaran Emolumen Tahun 2023 adalah berkaitan.

2. Sukacita menarik perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan mengenai SPANM Bilangan 3 Tahun 2023 adalah bertujuan untuk memaklumkan:-

2.1 Perubahan tarikh pembayaran emolumen bulanan bagi tahun 2023; dan

2.2 Peraturan yang perlu dipatuhi oleh Kementerian/ Jabatan bagi memastikan tatacara pengurusan bayaran emolumen dapat dilaksanakan dengan tepat, betul dan emolumen dibayar mengikut tarikh yang ditetapkan mengikut SPANM di atas.

3. Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama SPANM Bil. 4 Tahun 2022 - Tarikh Dan Peraturan Pembayaran Emolumen Tahun 2023 yang berkuat kuasa pada 2 November 2022 dan SPANM Bil. 1 Tahun 2020 - Tatacara Pengurusan Bayaran Emolumen Pegawai Awam Persekutuan yang berkuat kuasa pada 12 Februari 2020.

4. Sehubungan dengan itu, dilampirkan SPANM tersebut untuk makluman kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ). Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

UNIT GAJI
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK